

<p>HELAIAN KETERANGAN PRODUK</p> <p>(Sila baca Helaian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai “IKHLASlink Regular Top Up Secure Takaful Rider”. Sila pastikan juga anda membaca terma dan syarat am.)</p>	<p>TAKAFUL IKHLAS BERHAD</p> <p>(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)</p> <p>IKHLASlink Regular Top Up Secure Takaful Rider</p> <p>Tarikh: 08/10/2018</p>				
<p>1) Produk apakah ini?</p> <p>Ini adalah rider yang berbayar dengan Sumbangan Takaful yang boleh disertakan kepada pelan Takaful berkaitan pelaburan di mana Sumbangan Takaful adalah berkala. Rider ini menyediakan pilihan untuk melabur secara tetap di dalam dana-dana berkaitan pelaburan yang terpilih di mana fungsinya sama seperti akaun simpanan di bank.</p>					
<p>2) Apakah konsep-konsep Syariah yang diguna pakai?</p> <ul style="list-style-type: none"> <p>Wakalah – merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (<i>muwakkil</i>) membenarkan pihak lain sebagai ejen (<i>wakil</i>) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks Takaful Ikhlas, pihak Syarikat dilantik sebagai ejen (<i>wakil</i>) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful, dan Yuran Wakalah (<i>Ujrah</i>) akan dibayar kepada pihak Syarikat.</p> 					
<p>3) Apakah perlindungan-perindungan/manfaat-manfaat yang ditawarkan?</p> <p>Rider ini tidak menawarkan manfaat Takaful. Sekiranya berlaku Kematian atau Keilatan Kekal dan Menyeluruh ke atas Orang Yang Dilindungi atau Sijil Takaful ini telah matang, 100% amaun terkumpul di dalam Dana Unit daripada Sijil Takaful (nilai unit-unit semasa penilaian pada tarikh proses) akan dibayar kepada penama.</p>					
<p>4) Berapakah jumlah Sumbangan Takaful yang perlu dibayar?</p> <p>Sumbangan Takaful minimum ialah RM120.00 setahun dan dalam gandaan RM10.00.</p>					
<p>5) Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu dibayar?</p> <table border="1" data-bbox="207 1266 867 1346"> <tr> <td>Yuran Wakalah</td> <td>5.25%</td> </tr> <tr> <td>Komisyen</td> <td>3.75%</td> </tr> </table> <p>* Komisyen adalah sebahagian daripada yuran Wakalah.</p>		Yuran Wakalah	5.25%	Komisyen	3.75%
Yuran Wakalah	5.25%				
Komisyen	3.75%				
<p>6) Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu diketahui?</p> <p>a) Kepentingan pendedahan maklumat – anda dikehendaki mendedahkan semua maklumat dan fakta seperti umur, pekerjaan dan keadaan kesihatan dengan betul. Takaful IKHLAS mempunyai hak untuk menolak pembayaran tuntutan jika anda didapati gagal untuk mendedahkan maklumat yang relevan yang akan mempengaruhi keputusan untuk menerima atau menolak risiko, dan tentang peruntukan-peruntukan yang akan ditetapkan pada anda.</p> <p>b) Tempoh Bertenang – anda boleh membatalkan Sijil Takaful Tambahan dengan mengembalikan Sijil Takaful Tambahan tersebut kepada pihak Syarikat dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh Sijil Takaful Tambahan diterima. Syarikat akan membatalkannya dengan serta-merta setelah penerimaannya.</p>					

- c) Pendapatan pelaburan sebenar boleh berubah-ubah mengikut keadaan pasaran. Oleh itu, jumlah terkumpul di dalam Dana Unit daripada Sijil Takaful asas boleh meningkat naik atau menjadi kurang daripada jumlah Sumbangan Takaful yang telah dibuat ke dalam Dana Unit daripada Sijil Takaful asas (berkemungkinan menyebabkan peluputan Sijil Takaful sebelum tempohnya).
- d) Adalah penting bagi anda untuk menerima dan menyimpan resit-resit sebagai bukti pembayaran Sumbangan-sumbangan Takaful.
- e) Sekiranya anda tidak menerima Sijil Takaful selepas empat belas (14) hari dari tarikh penyertaan, sila hubungi kami (bagi kes-kes standard sahaja).
- f) Sijil Takaful Tambahan ini tidak akan membayar sebarang amaun manfaat apabila Sijil Takaful Tambahan tamat, matang atau tamat tempoh.

Nota: Senarai ini tidak muktamad. Sila rujuk kepada Sijil Takaful bagi mendapatkan senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat yang terdapat di bawah Sijil Takaful.

7) Apakah pengecualian-pengecualian utama yang terdapat di dalam Sijil Takaful ini?

Tiada sebarang pengecualian yang akan dikenakan.

8) Bolehkah Sijil Takaful ini dibatalkan?

Jika anda mendapati rider ini tidak lagi bersesuaian, anda boleh membatalkannya dengan memaklumkan kepada kami secara bertulis.

9) Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?

Adalah penting anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan pada maklumat/alamat (termasuk bagi penama) untuk memastikan semua komunikasi perhubungan sampai kepada anda dan/atau penama dalam jangka masa ditetapkan.

10) Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Takaful Berkaitan Pelaburan, sila rujuk kepada buku panduan *info insurers* mengenai 'Takaful Berkaitan Pelaburan'. Anda boleh memperolehnya daripada ejen Takaful kami atau lawati www.insuranceinfo.com.my.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Takaful IKHLAS Berhad

Jabatan CRM
IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5
Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi
59200 Kuala Lumpur.

Tel: +603-2723 9696

Faks: +603-2723 9998

Laman sesawang: www.takaful-ikhlas.com.my

Emel: ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my

11) Produk seumpama yang boleh didapati?

-Tiada-

NOTA PENTING:

INI ADALAH PRODUK TAKAFUL YANG TERIKAT KEPADA PRESTASI DARIPADA ASET-ASET PENDASAR, DAN INI BUKANLAH PRODUK PELABURAN SEBENAR SEPERTI UNIT AMANAH SAHAM. PULANGAN KE ATAS DANA PELAN BERKAITAN PELABURAN ADALAH TIDAK DIJAMIN.

Maklumat yang disediakan dalam Helaian Keterangan Produk ini adalah sah pada: 08/10/2018